

المعاملات ALMUAMALAT

PENA SYARIAH BANK MUAMALAT ◆ SIRI 08 ◆ KDN: PP 1703/10/2012(031346)

ISU-ISU PERBANKAN ISLAM:

Adakah Perbankan Islam
Mengaut Keuntungan Berlebihan?

- ◆ Haruskah Jualan Tunai Lebih Murah Dari Tangguh?
- ◆ SYUMULNYA ISLAM: Apakah Niat Aku Bekerja?
- ◆ LAMAN TAFAQQUH: Adakah Istidraj Berlaku Kepada Kita?



At Bank Muamalat, we make your dreams come true...

We offer you a wide range of products, ranging from trade financing as well as project and contract financing to all sectors of the economy. Additionally, we also offer corporate finance and financial advisory services issuance of Islamic Private Debt Securities, offshore financing, foreign currency deposits and private banking facilities.

We were established in 1999 and we are a full-fledged Islamic institution operating under the Islamic Banking Act, 1983 and we are fully shariah-compliant.

Our people are our assets. We provide you the best service we have to offer.



Contact us:

www.muamalat.com.my

1-300-88-8787

SALE

HARUSKAH JUALAN TUNAI LEBIH MURAH DARI TANGGUH?

m/s 8

SIDANG REDAKSI

TOPIK

MUKA SURAT

Sekapur Sirih Seulas Pinang	2
Sejenak Bersama ...	3
Sengat Cik Lebah	3
Isu-Isu Perbankan Islam: Adakah Perbankan Islam Mengaut Keuntungan Berlebihan?	4
RINGKASAN PRODUK KONSUMER: Akaun Pelaburan Am Muamalat (Mudharabah)-i	6
Haruskah Jualan Tunai Lebih Murah Dari Tangguh?	8
TOKOH EKONOMI ISLAM: Dr. Mohd Daud Bakar	10
Kredibiliti Panel Jawatankuasa Syariah Dalam Perbankan Islam	11
LAMAN WAHYU: Agama Itu Nasihat	14
Budi Bicara Bank-Bank Islam: Ibra' Bagi Penyelesaian Awal	15
SYUMULNYA ISLAM: Apakah Niat Aku Bekerja?	16
UNIT PENYELIDIKAN SYARIAH: Hukum Pengenaan Caj Pengurusan Ke Atas Rakan Kongsi Bagi Kontrak Musyarakah	18
LAMAN TAFAQQUH: Adakah Istidraj Berlaku Kepada Kita	20
Glosari Syariah	21



Penasihat

Dato' Haji Mohd Redza Shah Abdul Wahid

Ketua Editor

Mohd Hafiz Haji Fauzi

Editor

Muhamad Fadli Abdullah
Nurul Aiman Abdul Basik@Dzulkifli
Mohd Izwan Mahyudin
Wan Nuraihan Hj. Ab. Shatar
Syahnazrin Hashim
Saidatul Leiza Suleiman

Pereka Grafik

Ahmad Adhha Zainudin

Penerbit

Jabatan Syariah
Tingkat 20, Menara Bumiputra,
Jalan Melaka, 50100
Kuala Lumpur.

Percetakan

Percetakan TM Sdn Bhd
No. 8, Jalan Tembaga SD 5/2H
Sri Damansara Ind. Park
52200 Kuala Lumpur
Tel No: 03-62776223 / 03-62743227

Tokoh Ekonomi Islam

Dr. Mohd Daud Bakar

Dr. Mohd Daud Bakar merupakan Presiden/
Ketua Pegawai Eksekutif Amanie Islamic....



m/s 10

Sekapur sirih Seulas Pinang

Yang Berbahagia En. PeerMohamed Ibramsha
Naib Presiden Eksekutif Kewangan Bank Muamalat
Malaysia Berhad

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya kita masih berada dalam keadaan sihat sejahtera dan masih lagi mampu untuk meneruskan tanggungjawab kita sebagai Khalifah di bumi Allah SWT Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat ke atas kita semua.

Risalah ini diterbitkan sebagai salah satu alternatif tambahan dalam usaha memperkembangkan sistem perbankan Islam. Segala input yang dimuatkan dalam risalah ini diharapkan mampu untuk memberikan maklumat yang jelas berhubung dengan isu-isu berkaitan muamalat Islam dan sekaligus mampu membentuk masyarakat yang bermaklumat dalam bidang muamalat dan perbankan Islam.

Sokongan daripada pembaca, pelanggan serta masyarakat amat diperlukan dalam memastikan perbankan Islam terus diterajui pada masa kini. Terdapat juga segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap perbankan Islam malah menyamakkannya dengan sistem perbankan konvensional. Bila melihat isu seperti ini, sedikit sebanyak ia mempengaruhi pengguna yang lain dalam membuat pilihan perbankan. Toh mahan yang disalah ertikan oleh masyarakat harus diperbetulkan. Diharapkan dengan adanya majalah ini, ia dapat memperbetulkan serta memperbaiki pemahaman pelanggan-pelanggan perbankan Islam supaya tidak terus ‘anti’ terhadapnya.

Saya menyeru seluruh warga BMMB untuk bangkit dan lebih bersemangat dalam meneruskan perjuangan kita dalam dunia perbankan Islam. Penerbitan risalah ini diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh warga bank dan dijadikan panduan dan dorongan untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Justeru itu, saya amat berharap agar seluruh warga BMMB lebih kreatif dan mampu untuk menyampaikan segala ilmu yang dimiliki kepada para pelanggan dan masyarakat diluar sana khususnya mereka yang masih lemah dalam ilmu perbankan Islam.

Wassalam.



Sejenak Bersama...

Yang Berbahagia Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri
Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan keturunan Baginda, sahabat seperjuangan Baginda serta para tabi' dan tabi'in dan seterusnya alim ulama dan cendekiawan Islam yang meninggalkan jasa yang besar kepada kita pada hari ini. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan taufiq dan izin-Nya, maka majalah al-Muamalat ini dapat diterbitkan sehingga edisi kelapan, atas usaha pihak Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh pelbagai pihak adalah dialu-alukan dalam menegakkan sistem Muamalat Islam agar umat Islam tidak terus terperangkap di dalam sistem perbankan konvensional yang jelas bertentangan dengan Islam. Peranan dalam menyampaikan maklumat dan informasi adalah amat penting dalam menyebarkan ilmu dan kesedaran kepada masyarakat berkenaan sistem perbankan Islam.


Masyarakat hari ini termasuk orang Islam melihat produk perbankan Islam tidak jauh beza daripada produk konvensional yang menawarkan produk simpanan, pelaburan dan pinjaman. Malah perbankan Islam dikatakan sebagai hasil pengubahsuaian konsep dan amalan perbankan konvensional agar patuh kepada Syariah. Kesannya, amalan ini menyebabkan potensi dan fungsi sebenar kontrak-kontrak Islam tidak digunakan secara sepenuhnya dan amalan perbankan Islam dilihat secara luaran atau dari pandangan kasar menyerupai amalan perbankan konvensional. Malah dalam beberapa kes pertikaian transaksi perbankan Islam di mahkamah sivil, hakim beranggapan bahawa pembiayaan Islam sama seperti pinjaman konvensional. Tohmahan juga ditujukan kepada beberapa produk dan amalan perbankan Islam secara khusus.

Akhir kalam, kempen-kempen kesedaran mengenai produk-produk perbankan Islam perlu dilaksanakan sebelum mereka melanggannya dan melakukan tohmahan di kemudian hari. Diharapkan majalah ini menjadi sumber penyebaran maklumat yang berguna bagi mempertingkatkan lagi imej BMMB seterusnya imej Islam itu sendiri. Justeru itu, kita haruslah bergerak bersama-sama bagi meneraju perubahan yang positif terhadap perbankan Islam. Wallahu a'lam.

Sekian, Terima Kasih.



Sengat cik lebah



Susah betul la sekarang ni nak beli rumah. Pakai bank Islam lagi mahal dari bank biasa. Kalau macam tu baik pakai konvensional aje.

Astaghfirullah, kenapa macam tu pulak. Anta dah periksa betul-betul ke bank Islam lagi mahal? Atau kita sendiri yang tak tahu bezakan? Apa salahnya bersusah sikit untuk sesuatu yang halal daripada terjebak dengan benda syubhah dan haram.

Di sebuah balairaya...

*Anta : Awak
*Syubhah : Kesamaran





ISU-ISU PERBANKAN ISLAM:

Adakah Perbankan Islam Mengaut Keuntungan Berlebihan?

Oleh: Jabatan Syariah

“Perbankan Islam dan konvensional sama saja”

“Perbankan Islam lebih mahal daripada konvensional”

“Perbankan Islam menganiaya pelanggan dengan keuntungan yang berganda”

Kenyataan-kenyataan di atas sering kali kita dengar dan ia membuatkan reputasi perbankan Islam sedikit goyah. Namun kegoyahan ini tidak dapat meruntuhkan sistem alternatif yang ditetapkan Allah ‘Azzawajalla. Perbankan Islam diwujudkan bukan sahaja untuk membantu pelanggan dan masyarakat malah mewar-warkan sesuatu yang halal menurut landasan Syariat.

Sebelum membuat andaian dan tuduhan melulu, pihak pelanggan seharusnya menganalisa kefahaman diri sendiri berkenaan dengan sistem perbankan Islam. Kefahaman yang salah membuatkan kecelaruan dalam membuat pilihan di samping mempengaruhi individu lain dalam membuat keputusan dan pemilihan.

PEMATUHAN SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM

ISLAM adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai panduan yang lengkap lagi sempurna meliputi semua aspek kehidupan manusia seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 10a (3) yang bermaksud:

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku sempurnakan ke atas kamu nikmatku, dan Aku redha Islam itu sebagai agama bagi kamu".

Islam sebagai cara hidup yang lengkap bukan sahaja tertakluk kepada hal ibadat ritual tetapi ia juga merangkumi setiap aspek kehidupan termasuk hubungan sesama manusia. Syariah merupakan satu daripada tiga aspek kehidupan. Dua yang lain adalah aqidah (kepercayaan) dan akhlak (moraliti).

Syariah bermaksud perundangan Islam. Perkataan Syariah diambil daripada bahasa Arab bermaksud jalan yang lurus. Syariah kemudiannya dibahagikan kepada dua, Ibadat (Fiqh Al-Ibadah) dan Muamalat (Fiqh Al-Muamalah). Ibadat melibatkan pengabdiannya kepada Allah SWT dalam konteks hubungan manusia yang membawa kebaikan dalam kehidupan dunia seperti jual beli, sewaan, gadai, pinjaman dan lain-lain.

"Sesungguhnya Nabi SAW memberi 'Urwah satu dinar untuk membeli seekor kambing, maka (atas kebijaksanaannya) dapat diberinya dua ekor kambing, lalu dijualnya seekor dengan harga satu dinar, lalu ia datang bertemu Nabi SAW membawa satu dinar dan seekor kambing, maka Nabi SAW terus mendoakannya dalam jualannya, yang jika ia membeli tanah sekalipun pasti ia akan mendapat untung". (Riwatay Al-Bukhari)

Hadis di atas menunjukkan bagaimana sahabat membeli dua ekor kambing dengan harga satu dinar, bermakna 1/2 dinar seekor, dan kemudian menjualnya dengan harga 100% keuntungan iaitu 1 dinar seekor. Transaksi ini diiktiraf oleh Nabi SAW malah dipuji dan didoakannya.

Walaupun hal ini dibenarkan, tetapi dari segi praktisnya, kadar keuntungan yang digunakan oleh perbankan Islam adalah kompetitif dengan kadar faedah yang digunakan oleh perbankan konvensional. Jika sebaliknya, perniagaan perbankan Islam tidak dapat berkembang ke fasa yang lebih tinggi berbanding perbankan konvensional. Kerjasama di antara pelanggan dan institusi perbankan Islam amat diperlukan bagi memastikan sistem Allah SWT ini lebih mendapat perhatian ramai.

Aplikasi Syariah dalam perbankan Islam terus diperkuatkan lagi dengan berlakunya beberapa kes undang-undang yang dibawa ke mahkamah dan telah diputuskan berpihak kepada perbankan Islam. Antara kes-kes yang terlibat adalah: (i) Tinta Press Sdn Bhd v Bank Islam Malaysia Berhad [1987], (ii) Bank Islam Malaysia

Sesetengah pihak yang membuat tuduhan melulu bahawa perbankan Islam itu mahal dan mengaut keuntungan berlebihan harus memikirkan terlebih dahulu tindakannya dan harus memahami fakta-fakta berikut:

- i. Bank-bank Islam adalah merupakan syarikat-syarikat berlesen dan berdaftar yang juga mensasarkan keuntungan supaya organisasi maju ke hadapan. Bagi mencapai sasaran itu, perbankan Islam menawarkan khidmat kewangan menurut Islam melalui produk-produknya yang diiktiraf syarak. Ia bukannya badan kebajikan yang menawarkan khidmat secara percuma.
- ii. Bank-bank Islam juga mempunyai pelabur-pelabur yang mengharapkan pulangan yang baik hasil pelaburannya, dan ia bukannya wang subsidi yang diberi secara percuma.
- iii. Bank-bank Islam juga mempunyai para kakitangan yang perlu dibayar gaji selaras dengan nilai pasaran. Keuntungan adalah amat penting bagi menjamin kakitangan yang berkualiti dapat dikekalkan bagi mengurus bank secara efektif dan kompetitif.
- iv. Bank-bank Islam juga perlu membayar kos operasi bangunannya dan peralatan-peralatannya. Justeru itu, apabila khidmat yang ditawarkan adalah percuma dan amat murah, bagaimana mungkin sebuah bank Islam mampu terus berkembang.

Jadi, apabila ada pihak mengatakan perbankan Islam sepatutnya sentiasa lebih murah berbanding konvensional kerana ia membantu orang ramai terutamanya orang Islam, kita perlu menyedari kebajikan dan kepentingan bank juga perlu dijaga supaya mampu terus-menerus membantu segenap lapisan masyarakat. Malah, apabila bank-bank Islam itu memperolehi keuntungan, ia akan mengeluarkan zakat bagi asnaf yang layak menurut Islam. Selain itu, bank-bank Islam juga mempunyai peruntukan sumbangan kebajikan yang akan diberikan menurut keadaan.

Di samping itu, apabila pihak bank mendapat keuntungan yang baik, maka ia juga menghasilkan kadar pulangan yang tinggi bagi penyimpan-penyimpan di akaun perbankan Islam sebagai contoh Akaun Simpanan, Semasa dan Pelaburan berasaskan Mudharabah. Individu yang menyimpan akan mendapat pulangan yang lebih besar. Demikian juga penyimpan yang menyimpan di dalam Akaun Simpanan Wadi'ah. Mereka juga berpeluang mendapat pulangan 'hibah' yang menarik mengikut budi bicara Bank.

Dengan lampiran kenyataan di atas, membuktikan bahawa perbankan Islam bukanlah institusi yang hanya berhasrat untuk mengaut keuntungan semata-mata, malah tujuan utamanya adalah untuk mempromosikan sistem Allah SWT yang halal lagi baik dan membantu segenap lapisan masyarakat. Keuntungan yang disasarkan adalah bertujuan seperti yang dinyatakan di atas, dan bukanlah untuk menganiyai dan berlaku zalim terhadap pelanggan-pelanggan perbankan Islam seperti yang diutarakan oleh orang kebanyakan yang tidak memahami sistem ini.

Wallahu a'lam.

RINGKASAN PRODUK KONSUMER

NAMA PRODUK:

AKAUN PELABURAN AM MUAMALAT (MUDHARABAH)-i

1. Pengenalan

- 1.1 Ia merupakan Akaun Pelaburan Am, di mana Pendeposit meletakkan jumlah wang yang tertentu untuk jangka waktu yang tertentu dengan tujuan perkongsian di dalam keuntungan yang diperolehi dari pelaburan yang dijalankan oleh pihak Bank ke atas dana mereka.

2. Kontrak/Prinsip Syariah

- 2.1 “Al-Mudharabah” bermaksud ‘**Perkongsian keuntungan**’. Ia merujuk kepada kontrak di mana pemilik modal menyerahkan modalnya kepada pengusaha untuk diusahakan dan keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan tersebut dikongsi oleh kedua-dua pihak berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama. Jika berlaku kerugian, pemilik modal akan menanggung segala kerugian dan pengusaha tidak menanggung kerugian (modal) tetapi rugi dari segi kerja dan tenaga.

3. Rukun-rukun dan Syarat-syarat

RUKUN	SYARAT-SYARAT
1. Pemodal (<i>Rab al-Mal</i>)	<ul style="list-style-type: none">● Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.● Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.● Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)● Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.
2. Pengusaha (<i>Mudharib</i>)	<ul style="list-style-type: none">● Mestilah seorang yang baligh, berakal, waras dan siuman.● Sekiranya belum baligh, hendaklah mendapatkan keizinan daripada penjaganya untuk mengendalikan urusan berkenaan.● Mestilah seorang yang tidak bankrap (muflis)● Perlakuan menyimpan subjek simpanan adalah dengan kerelaan, tiada unsur-unsur paksaan.
3. Perkara yang dikontrakkan	<ul style="list-style-type: none">● i. Modal<ul style="list-style-type: none">● Hendaklah terdiri daripada mata wang tunai yang ditentukan semasa akad.● Hendaklah diketahui kadar modal.● Hendaklah tunai, wujud dan bukan berbentuk hutang.● Hendaklah diserahkan kepada Pengusaha (<i>Mudharib</i>).● ii. Projek / Usaha (<i>Mudharabah Mutlaqah</i>)<ul style="list-style-type: none">● Hendaklah Pengusaha diberi kebebasan untuk menjalankan sesuatu projek tanpa sebarang sekatan dalam urusan perniagaan.● iii. Penentuan Keuntungan<ul style="list-style-type: none">● Hendaklah keuntungan itu diketahui kadarnya.● Hendaklah keuntungan itu dalam nisbah peratusan.

3. Rukun-Rukun Dan Syarat-Syarat

RUKUN	SYARAT-SYARAT
4. Akad iaitu penawaran (<i>Ijab</i>) & Penerimaan (<i>Qabul</i>)	<ul style="list-style-type: none">● Mestilah berlaku akad iaitu penawaran dan penerimaan sama ada melalui ucapan (lafaz), tulisan, isyarat dan perbuatan yang jelas dan difahami oleh pihak-pihak yang berkenaan.● Mestilah wujud ketepatan dan kesekataan antara tawaran dengan penerimaan.● Mestilah tawaran dan penerimaan berlaku dalam satu majlis atau satu ruang tempoh yang munasabah.● Mestilah tawaran berterusan sah sehingga sempurna penerimaan, tiada penarikan balik tawaran sebelum penerimaan.● Mestilah tawaran merujuk kepada perkara / subjek yang dikontrakkan dan memenuhi syarat-syaratnya.

4. Modus Operandi

1. Pelanggan datang ke Bank untuk membuka akaun dan memberi wang (modal) kepada Bank. Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak bersetuju atas nisbah pembahagian keuntungan yang akan diperolehi daripada aktiviti pelaburan kelak.
2. Bank akan menggunakan modal ini bagi tujuan pelaburan yang dibenarkan syarak.
3. Keuntungan yang diperolehi hasil daripada aktiviti pelaburan, akan dibahagikan di antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui.

Wakaf
Selangor Muamalat

esok masih ada?

esok tidak boleh mengubah apa-apa yang berlaku hari ini,
tetapi hari ni masih boleh mengubah perkara yang akan terjadi pada hari esok

Perkhidmatan
mewakafkan pulangan
sebahagian daripada akaun simpanan
dan semasa Bank Muamalat

..dengan Wakaf Selangor Muamalat
esok masih ada untuk

1-300-88-8787
www.muamalat.com.my

usaha sama:





HARUSKAH JUALAN **TUNAI LEBIH MURAH DARI TANGGUH?**

Oleh: Dr. Zaharuddin Abd Rahman

Timbul satu persoalan iaitu bagaimana jika harga bayaran secara tunai sebagai contoh RM 1000, tetapi jika dibayar secara tangguh menggunakan kontrak Murabahah tetapi dibayar melalui konsep bayaran tangguh (*Murabahah wa muajjal*), harganya meningkat kepada RM 1500. Adakah ia halal?

Perlu diingat pembayaran bagi kontrak Murabahah boleh dibuat secara tunai atau bertangguh. Dalam praktis bank-bank Islam kontemporari kebiasaan pelanggan dibenarkan membayar secara ansuran dalam satu tempoh waktu. Namun demikian jika di awal kontrak Murabahah, pelanggan memilih kemudahan ini, harga aset yang dijual oleh bank secara Murabahah akan dinaikkan.

Hukum

Para ulama berbeza pendapat dalam hal ini, minoritinya mengatakan haram manakala majoriti ulama silam termasuk keempat-empat mazhab dan ulama kontemporari berpandangan ianya harus.

- Disebut oleh ulama mazhab Hanafi yang bermaksud:
"Harga berkemungkinan dinaikkan disebabkan penangguhan (bayarannya)"
- Ulama mazhab Maliki pula berkata yang bermaksud:
"Penangguhan kerana untuk tempoh masa mempunyai nilai kadar nilai di dalam harga"
- Kenyataan dari ulama mazhab Syafie yang bermaksud:
"Lima jika dibayar secara tunai, bersamaan dengan enam jika dibayar secara tangguh"

- Manakala disebut oleh ulama mazhab Hanbali yang bermaksud:
"Tempoh boleh mengambil sebahagian dari harga"

Antara dalil paling mudah untuk menyokong pendapat ini adalah keharusan jualan secara Salam yang bermaksud:

"Nabi SAW sampai ke Madinah dan penduduk Madinah membeli (menempah) tangguh tamar yang hanya akan diserahkan dalam tempoh dua tahun dan tiga". Lalu Nabi SAW bersabda:

"Barangsiapa yang ingin membeli secara tangguh (serahan barang iaitu belian Salam) hendaklah ia dilakukan atas barang yang diketahui, timbangan yang diketahui dan tempoh yang diketahui"

(Riwayat Al-Bukhari, no 2086)

Jualan secara Salam harus secara nas dan ijmak, manakala para ulama menyatakan dari hikmah keharusannya adalah pembeli akan mendapat manfaat dari harga yang lebih murah, manakala penjual pula menikmati bayaran segera. Disebutkan oleh Ibn Qudamah yang bermaksud:

"Inilah dalil bahawa tempoh waktu dalam jual beli mempunyai bahagian dalam harga, ia tidak mengapa kerana ia didasari oleh akad jual beli."

Kesimpulannya, disebabkan tempoh masa yang perlu ditunggu oleh pihak penjual dan risiko yang terdedah ke atasnya, perbezaan harga ini dianggap sebagai halal dengan syarat ia telah dipersetujui di awal akad dan tidak lagi berubah selepas itu. Kenaikan harga akibat tempoh ini dianggap halal oleh majoriti



CLUB 21
END OF
SEASON
SALE

mazhab dan ulama. Inilah bentuk 'time value of money' yang diiktiraf sebagai halal oleh Islam kerana ia didasari oleh jual beli sebenar dan bukannya akad qardh iaitu pinjaman atau hutang.

Sheikh Taqi Uthmani membidas mereka yang menyamakan perbezaan penentuan harga ini sama seperti riba dengan kata beliau:-

"This argument is again based on the misconception that whenever price is increased taking the time of payment into consideration, the transaction comes within the ambit of interest. This presumption is not correct. Any excess amount charged against late payment is riba only where the subject matter is money on both sides. But if a commodity is sold in exchange of money, the seller when fixing the price may take into consideration different factors, including the time of payment...time of payment may act as an ancillary factor to determine the price of a commodity."

Erti: "Pertikaian ini sekali lagi disebabkan oleh salah faham bahawa setiap kenaikan harga disebabkan oleh masa akan jatuh dalam kategori Riba. Kesimpulan ini adalah silap. Setiap kenaikan yang disebabkan kelewatan bayaran hanya akan menjadi riba apabila kedua-dua belah pihak berurusan adalah wang, tetapi jika komoditi atau aset dijual berbalas wang, penjual mempunyai kebebasan untuk menentukan harganya dan dibenarkan juga mengambil kira pelbagai faktor termasuk masa pembayaran... masa pembayaran boleh dijadikan faktor penentu bagi ketetapan harga komoditi".

Dipetik daripada:

1. www.zaharuddin.net, Ustaz Dr. Zaharuddin Abd Rahman, Penolong Professor (Assistant Professor atau Pensyarah Kanan), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Ahli, Majlis Penasihat Syariah, Bank Al Rajhi, Malaysia





TOKOH EKONOMI ISLAM

Dr. Mohd Daud Bakar

Dr. Mohd Daud Bakar merupakan Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Amanie Islamic Finance Learning Centre Dubai (AIFLC), International Institute of Islamic Finance (IIIF) Inc. (BVI) and Amanie Business Solutions Sdn. Bhd. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Naib Canselor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Beliau mendapat ijazah pertama di dalam bidang Syariah daripada University of Kuwait pada tahun 1988 dan memperoleh doktor falsafah daripada University of St. Andrews, United Kingdom pada tahun 1993.



Pada tahun 2002, beliau melengkapkan Sarjana Muda Luar dalam bidang Perundungan di Universiti Malaya. Beliau telah menerbitkan beberapa artikel di dalam pelbagai jurnal akademik dan di dalam pelbagai persidangan sama ada di peringkat tempatan maupun peringkat antarabangsa. Kini, Dr. Mohd Daud Bakar merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dan merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Beliau juga merupakan ahli Lembaga Syariah untuk Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) (Bahrain), International Islamic Financial Market (IIFM) (Bahrain), Dow Jones Islamic Market Index (New York), Oasis Asset Management (Cape Town, South Africa), Unicorn Investment

Bank (Bahrain), Financial Guidance (USA), BNP Paribas (Bahrain), Morgan Stanley (Dubai), Jadwa-Russell Islamic Fund (Kingdom of Saudi Arabia), Bank of London and Middle East (London), Dubai Bank (Dubai), Noor Islamic Bank (Dubai), Salamah Takaful (Dubai), Islamic Bank of Asia (Singapore), Dubai Financial Market (DFM) dan di institusi-institusi kewangan yang lain sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa.



Semasa beliau berada di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, beliau telah mengelola satu kursus mengenai pematuhan terhadap Syariah untuk pelajar Diploma Pascasiswazah dalam bidang kewangan Islam dan juga untuk program Sarjana di dalam bidang Perbankan Islam.

Beliau juga telah mengelola dan mengajar Kursus Kewangan Islam untuk program Ijazah Sarjana Muda Perundungan Komparatif di universiti yang sama. Dr. Daud juga telah mengarang dan menulis beberapa artikel di dalam buku teks INCEIF mengenai Syariah Gunaan, di mana beliau juga bertindak sebagai penyunting buku tersebut. Beliau juga bertanggungjawab dalam penulisan dan sumbangan terhadap Sijil CIMA di dalam Modul Kewangan Islam.

“ Kini, Dr. Mohd Daud Bakar merupakan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia dan merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah untuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. **”**

KREDIBILITI PANEL JAWATANKUASA SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM

Latar Belakang


Pendedahan Jawatankuasa Syariah terhadap operasi dan isu-isu baru berkaitan kewangan Islam telah meluas seiring dengan perjalanan perbankan Islam di negara ini. Pada akhir tahun 90-an, perbankan Islam telah diperkenalkan menggantikan perbankan Islam jendela dan kaunter-kaunter Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF). Ini telah membentuk pemahaman orang ramai bahawa perbankan Islam bukanlah sekadar perbankan tanpa faedah (riba) tetapi melihat juga kepada kontrak, rukun dan unsur yang menghalalkan perbankan Islam.

Hari ini, dengan berkembang pesatnya industri Perbankan Islam, kepekaan masyarakat Islam terjurus untuk mendapatkan keyakinan dan beralih daripada perbankan konvensional untuk memilih produk yang patuh Syariah yang ditawarkan perbankan Islam.

Penubuhan Jawatankuasa Syariah di Setiap Bank-bank Islam

Kepentingan peranan Jawatankuasa Syariah terbukti apabila Bank Negara Malaysia menyarankan sebuah Majlis Penasihat Syariah ditubuhkan di setiap institusi kewangan Islam yang dipantau di bawah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Bidang kuasa Jawatankuasa Syariah adalah untuk memastikan segala urusan operasi dan produk di perbankan Islam adalah mematuhi syarak.

Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti telah mengeluarkan garis panduan menghususkan peranan Jawatankuasa Syariah. Kredibiliti Jawatankuasa Syariah tidak seharusnya dipertikaikan kerana perlantikan panel Jawatankuasa Syariah perlulah mendapat kelulusan daripada Bank Negara. Keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah hendaklah selari dan tidak bertentangan dengan perkara yang diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara Malaysia.



* Diadaptasi daripada Rangkakerja Tadbir Urus Syariah. Bank Negara Malaysia

Perlantikan Panel Jawatankuasa Syariah

Rangka kerja mengenai Tadbir Urus Syariah ("Shariah Governance Framework") menetapkan panel Jawatankuasa Syariah yang dilantik haruslah memenuhi garis panduan "fit and proper". Jawatankuasa Syariah adalah digalakkan terdiri daripada panel-panel dari pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan. Majoriti Jawatankuasa Syariah disyaratkan sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah (dalam bidang Usul Fiqh atau Fiqh Muamalat) dari universiti terkemuka. Panel Jawatankuasa Syariah haruslah juga mahir dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Sekurang-kurangnya minoriti dari panel-panel Jawatakuan Syariah hendaklah individu yang pakar dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perbankan seperti kewangan ataupun undang-undang.

Jawatankuasa Syariah juga digalakkan untuk terus melengkapkan diri dengan ilmu yang berkaitan Syariah dan kewangan. Pihak Bank juga harus menyediakan peruntukan untuk menghantar Jawatankuasa Syariah untuk menghadiri program dan latihan yang bermanfaat seiring dengan peredaran industri kewangan Islam.

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah mestilah diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan untuk memastikan Jawatankuasa Syariah sentiasa dikemaskinikan dengan maklumat dan urusan Bank yang dinasihatinya. Untuk memastikan ketelusan, jumlah mesyuarat dan kedatangan ahli Jawatankuasa Syariah juga akan dilampirkan dalam laporan tahunan institusi kewangan tersebut. Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Syariah mestilah berdasarkan majoriti atau sekurang-kurangnya dua pertiga daripada undian keseluruhan panel Jawatankuasa Syariah dengan latar belakang Syariah.

“ Majoriti Jawatankuasa Syariah disyaratkan sekurang-kurangnya memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah (dalam bidang Usul Fiqh atau Fiqh Muamalat) dari universiti terkemuka. Panel Jawatankuasa Syariah haruslah juga mahir dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Sekurang-kurangnya minoriti dari panel-panel Jawatakuan Syariah hendaklah individu yang pakar dan berpengalaman dalam bidang yang berkaitan dengan perbankan seperti kewangan ataupun undang-undang. ”

Bebas dan Tidak Berkepentingan

Setiap panel Jawatankuasa Syariah yang dilantik hendaklah merupakan individu yang bebas dan tidak berkepentingan dalam bank yang dinasihatinya. Untuk memastikan panel Jawatankuasa Syariah lebih fokus dan mengelakkan konflik kepentingan, panel Jawatankuasa Syariah hanya dibenarkan menjadi panel untuk sebuah institusi kewangan pada suatu masa.

Bolehkah Kredibiliti Jawatankuasa Syariah Dibeli?

Walaupun garis panduan yang ditetapkan untuk menjamin kredibiliti panel Jawatankuasa Syariah, terdapat juga segelintir masyarakat yang mempertikaikan kredibiliti ahli Jawatankuasa Syariah. Kononnya mereka boleh dibeli kerana Jawatankuasa Syariah juga menerima eluan dari Bank yang dinasihatinya. Dikhawatir, Jawatankuasa Syariah mungkin bersetuju meluluskan semua produk dengan sewenangnya demi melanjutkan perkhidmatan sebagai Jawatankuasa Syariah dan dapat terus menerima eluan dari bank tersebut. Namun, kenyataan ini disangkal oleh Dr. Zaharuddin dalam blog beliau bertajuk "Mestikah Iman dan Ilmu Mereka telah Dibeli?" (Sumber: www.zaharuddin.net). Menurut beliau, adalah mustahil bagi Jawatankuasa Syariah yang berfungsi dalam kumpulan dan sedia maklum dilantik kerana kepakaran mereka dalam ilmu Islam dan hukum hakam boleh bersepakat kesemuanya untuk mementingkan wang ringgit semata-mata dari menjalankan amanah dan melupakan tanggungjawab besar yang akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Dr. Zaharuddin turut memberi perumpamaan pemimpin seperti Abu Bakar juga mendapat eluan sebagai khalifah dari rakyat. Begitu juga dengan gabenor-gabenor di zaman khulafa' ar-rasyidin.

Justeru, tiada salahnya jika Jawatankuasa Syariah menerima eluan daripada bank untuk menjalankan tugas.

Hal yang sama diamalkan oleh syarikat korporat di mana setiap laporan tahunan dan operasi diaudit oleh sekumpulan juru audit luar yang menuntut kos profesional daripada syarikat yang disemaknya.

Kesimpulan

Peranan panel Jawatankuasa Syariah adalah penting dan mencabar. Tanggungjawab panel Jawatankuasa Syariah adalah sangat besar yang boleh dipersoalkan di akhirat kelak. Walaubagaimanapun, mereka tetap harus memikul tanggungjawab demi maslahah masyarakat. Justeru itu, orang awam hendaklah menyakini kredibiliti panel Jawatankuasa Syariah seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

"Maka hendaklah kamu bertanya ahli zikir (ulama) seandainya kamu tidak mengetahuinya."

(Surah al-Nahl:43)

Rujukan:

1. Al-Quran Al-Karim
2. Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions, Bank Negara Malaysia
3. Dr. Zaharuddin Abd Rahman, www.zaharuddin.net, artikel bertajuk "Mestikah Iman dan Ilmu Mereka telah Dibeli?"
4. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission of Malaysia)



AHLI JAWATANKUASA SYARIAH BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)



- ① YBhg Ustaz Azizi Che Seman (Pengerusi)
- ② YBhg Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali
- ③ YBhg Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron
- ④ YBhg Dr. Ab. Halim Muhammad
- ⑤ YBhg Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri
- ⑥ YBhg Dr. Wan Marhaini Wan Ahmad

Agama Itu Nasihat

Daripada Tamim al-Dari RA Nabi SAW bersabda “*Agama adalah ‘nasihat’.*” Kami bertanya: “*Terhadap siapa?*” Baginda menjawab: “*Terhadap Allah, kitab-kitab-Nya, Rasul-rasul-Nya, pemimpin-pemimpin dan kaum Muslimin umumnya*” (Riwayat Muslim)

Adapun an-Nasihah maknanya adalah ketulusan niat daripada keinginan untuk menipu. Ada kata yang menggunakan dasar kata yang sama (al-Nasuh). Bermakna taubat yang sungguh-sungguh, dimulai dari kejuran diri sendiri terhadap pengakuan dosa dengan memohon keampunan dari Allah SWT, dengan tidak ada sedikitpun keinginan untuk lepas dari hukuman akibat dari perbuatannya.

Pengajaran Hadis:

- Nasihat terhadap **Allah SWT**: Beriman kepada Allah, sifat-sifat-Nya dan menyucikan-Nya daripada sebarang kekurangan. Melakukan ketaatan dan menjauhkan maksiat.
- Nasihat terhadap **kitab-kitab-Nya**: Mengimani bahawa ia adalah kalam Allah SWT yang diturunkan, menghormati kedudukan-Nya yang tinggi, membaca dengan betul dan tidak melanggar batasannya.
- Nasihat terhadap **Rasullullah SAW**: Mempercayai risalahnya, beriman kepada segala apa yang dibawanya, mentaati, membela, menghidupkan sunnah, memerangi musuhnya dan menolong orang yang menyokongnya.
- Nasihat terhadap **pemimpin**: Membantu dan mentaati pemerintah atas dasar kebenaran, mengingatkan mereka dengan baik terhadap perkara yang diabaikan, tidak memberontak, dan menjinakkan hati manusia agar mentaati mereka.



BUDI BICARA BANK-BANK ISLAM: IBRA' BAGI PENYELESAIAN AWAL

Pendahuluan

Pembentangan yang ditawarkan oleh bank-bank Islam selalu dilabelkan sebagai terlalu mahal dan sesetengah pihak suka untuk mengatakan bahawa pinjaman di bank-bank konvensional adalah lebih murah berbanding pembentangan di bank-bank Islam tanpa mereka mengetahui hakikat sebenarnya. Namun begitu, bank-bank Islam ini terus memberi manfaat kepada setiap pelanggan yang membuat pembentangan dengan mereka, sebagai contoh memberi ibra' kepada pelanggan yang membuat penyelesaian awal. Ini merupakan salah satu kelebihan kepada pelanggan di bank-bank Islam dan ternyata bank-bank Islam ini bukanlah ingin mengaut keuntungan semata-mata seperti yang digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak di luar sana.

Ibra'

Ibra' secara konsepnya bermaksud pengguguran hak tuntutan oleh seseorang ke atas tanggungan pihak lain yang perlu dilaksanakan terhadapnya. Dalam perspektif kewangan, ibra' bermaksud rebat yang diberikan oleh satu pihak kepada satu pihak yang lain dalam urusan muamalah seperti jual beli dan sewaan. Sebagai contoh, pihak bank akan memberikan ibra' kepada pelanggan yang membuat penyelesaian lebih awal dari tempoh yang sepatutnya.

Kepentingan ibra' ini sangat diutamakan lebih-lebih lagi apabila Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-101 bertarikh 20 Mei 2010 telah memutuskan bahawa Bank Negara Malaysia selaku pihak berkuasa boleh mewajibkan institusi perbankan Islam memberikan ibra' kepada penerima biaya yang melunaskan pembentangan lebih awal bagi pembentangan berdasarkan kontrak jual beli. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan masyarakat dan orang ramai adalah lebih diutamakan daripada kepentingan institusi perbankan Islam tersebut.

Pelepasan hak ini juga disebut dalam hadis di mana ia berlaku pada zaman Rasullullah SAW:

"Rasullullah SAW memerintahkan suku kaum bani Nadir supaya keluar dari Madinah, kemudian Baginda didatangi beberapa orang dari kalangan mereka lalu berkata: Wahai Rasullullah! Engkau memerintah kami supaya keluar dari Madinah sedangkan kami mempunyai hutang yang belum matang yang perlu dilunaskan oleh penduduk tempatan. Maka Raullullah SAW bersabda: Kurangkan dan segerakan bayaran." (Riwayat al-Daraqutni)

Pengiraan Ibra' Bagi Penyelesaian Awal

Mengikut pandangan Dr. Zurina Shafii dalam perbincangannya mengenai rebat untuk penyelesaian awal, beliau mengutarakan bahawa pemberian rebat itu adalah mengikut budi bicara penjual dan ianya tidak boleh ditetapkan secara khusus di dalam kontrak. Sesbuah kontrak itu juga tidak boleh mengandungi ketetapan

untuk kenaikan dan penurunan harga jualan dan belian. Dr. Zurina juga menegaskan bahawa pemberian ibra' kepada pelanggan yang membuat pembentangan awal hanya boleh diberi kepada mereka selepas setahun kontrak itu ditandatangani. Pelanggan akan mendapat keuntungan dari segi pengurangan angka bayaran kerana pelanggan tidak perlu membayar jumlah keuntungan untuk baki tempoh sebenar pembentangan. Contohnya:

- **Perbankan Konvensional:** berdasarkan pinjaman yang telah diberi setakat tarikh tunggakan, bersama dengan faedah dan penalti (gharamah).
- **Perbankan Islam:** Keseluruhan Harga Jualan yang tertunggak.

Perbankan Konvensional	Perbankan Islam
<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none">● Pinjaman yang diberi: RM200k● Pembayaran Balik RM200k+faedah yang tidak terhad● Bayaran balik pinjaman yang telah dibuat: RM24k● Tunggakan: RM200k-RM24k + faedah =RM176k + faedah + penalti	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none">● Jumlah pembentangan (Harga belian): RM200k● Harga Jualan: RM600k● Bayaran Ansuran yang telah dibuat: RM24k● Tunggakan: RM576k*

*walaubagaimanapun, jumlah terakhir tertakluk kepada ibra'

Garis Panduan Ibra', Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan khusus berkenaan dengan pemberian Ibra' dan bermula 1 Julai 2012 semua Institusi Kewangan Islam di Malaysia perlu mematuhi garis panduan tersebut. Menurut garis panduan Ibra' terdapat beberapa keadaan dimana Institusi kewangan Islam perlu memberi Ibra' kepada pelanggan antaranya termasuklah:

1. Institusi Kewangan Islam dikehendaki memberikan ibra' kepada semua pelanggan yang menyelesaikan baki pembentangan mereka sebelum akhir tempoh pembentangan. Penyelesaian sebelum akhir tempoh pembentangan oleh pelanggan hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:
 - i. Pelanggan yang membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk bayaran terdahulu;
 - ii. Penyelesaian kontrak pembentangan asal disebabkan kepada pembentangan penstruktur semula;
 - iii. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kemungkinan;
 - iv. Penyelesaian oleh pelanggan bagi penamat atau pembatalan pembentangan sebelum tarikh matang.

2. Di bawah konsep pembiayaan kadar boleh ubah, IKI hendaklah memberikan ibra' pada perbezaan antara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar siling/keuntungan yang dikontrakkan (ceiling/contracted profit rate (CPR) dan jumlah keuntungan berdasarkan kadar keuntungan efektif (effective profit rate (EPR). Ibra' mesti diberikan jika jumlah keuntungan berdasarkan EPR adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan berdasarkan CPR.

Ilustrasi bagi pembiayaan kadar tetap:

Formula:

$$\begin{aligned} \text{Ibra}' &= \text{Keuntungan tertunggak} - \text{caj penyelesaian awal} \\ \text{Jumlah penyelesaian} &= \text{harga jualan Tertunggak} + \text{Ansuran tertunggak} - \text{Ibra}' \end{aligned}$$

Ilustrasi bagi pembiayaan kadar boleh ubah

Formula:

$$\begin{aligned} \text{Ibra}' &= \text{Keuntungan tertunggak} - \text{caj penyelesaian awal} \\ \text{Jumlah penyelesaian} &= \text{Harga jualan tertunggak} + \text{Ansuran tertunggak} + \text{Caj ganti rugi/ lewat bayar} - \\ &\quad \text{Pelarasian ibra' disebabkan oleh turun naik EPR (jika ada)} - \text{Ibra}' \end{aligned}$$

Kesimpulan

Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah pemberian ibra' merupakan satu bentuk kelonggaran yang diberi oleh institusi perbankan Islam kepada pelanggan. Namun begitu, perlu diingat bahawa institusi perbankan Islam mempunyai satu tanggungjawab yang besar di mana mereka perlu sentiasa bersifat adil dan telus dalam membuat pengiraan ibra' bagi memelihara manfaat bukan sahaja di pihak mereka tetapi di pihak pelanggan juga.

Rujukan:

1. Bank Negara Malaysia (BNM) Resolusi Syariah dalam kewangan Islam, Edisi Kedua, - Ibra'
2. Dr. Zurina Shafii, article on "Rebate for early settlement", beliau merupakan Perancang Kewangan Islam dan merupakan Pengarah Institut Kewangan Islam dan Pengurusan Harta Universiti Sains Islam Malaysia.
3. Bank Negara Malaysia (BNM), Guidelines on Ibra' (Rebate) for sale - Based Financing.

SYUMULNYA ISLAM APAKAH NIAT AKU BEKERJA?

Semua yang kita lakukan tidak kira dari sekecil-kecil perkara hingga sebesar-besarnya perkara perlu kepada pemusatan niat. Bila berbicara tentang niat, sudah tentu difahami bahawa setiap perkara yang dilakukan hanya bertaut dan terjurus kepada Sang Pencipta Yang Satu iaitu Allah SWT. Mana mungkin ia diniatkan mahupun ditujukan selain daripada-Nya kerana dia adalah pemilik tunggal dan kekal bagi seluruh isi alam ini. Namun, sebagai manusia yang selalu ‘lupa’ siapakah diri mereka dan asal kelahirannya senantiasa melakukan sesuatu yang bercanggah dan berlawanan dengan fitrah alam itu sendiri.

Niat Bermewah dan Menyimpang

Kadang-kadang ‘kemewahan’ bekerja menjadikan seseorang itu lupa dan lahai dengan tujuan (manhaj) asal keperluan bekerja. Terdapat sesetengah daripada kita yang melakukan pekerjaan bukan kerana Allah SWT, tetapi selain dari-Nya seperti bekerja kerana dunia, bekerja kerana manusia, bekerja kerana wang, serta bekerja kerana kedudukan dan pangkat. Ingatlah manusia, bahawa jika niat kita selain dari mengharap keredaan Yang Satu, keselesaan tersebut tidak kekal lama. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang menyebabkan kemurkaan Allah kerana hendak mencari keredaan manusia, Allah akan memurkainya dan Allah akan menjadikan setiap yang diredaya itu benci terhadapnya. Dan orang yang mencari keredaan Allah, walaupun dibenci oleh manusia nescaya Allah akan meredainya dan menjadikan setiap yang membencinya itu redha terhadapnya sehingga keredaan Allah itu menghiasi dirinya, percakapannya dan amalannya, nescaya ia mendapat perhatian Allah.”

(Diriwayatkan oleh al-Tabrani)

Apa gunanya memiliki kemewahan dan pangkat yang tinggi jika pekerjaan yang kita lakukan tidak ada keberkatan daripada Allah Yang Maha Esa, malah mengundang kemurkaan-Nya? Kadang-kadang bila niat bekerja menyimpang dari fitrah yang Maha Kuasa, hati pelakunya mula gusar dan rasa terseksa biarpun emas dan harta seluruh dunia melimpah hidupnya. Jangan disangka harta yang bertimbun dapat menenangkan jiwa sedangkan hati merana kerana sikap agnostik diri sendiri.

Dalam situasi bekerja juga tidak lari dari perkara-perkara mazmumah serta perilaku hina sesama rakan sekerja. Tidak disangka wujudnya penindasan, zalim-menyalimi, gejala rasuah, laga-melaga, bodek-membodek dan seumpamanya yang membawa kepada pertelingkahan dan pengingkaran sesama sendiri. Ini semua berpunca daripada niat yang salah dan tergelincir daripada wahyu llahi. Pemusatan niat pada harta dunia serta pangkat yang dipandang tinggi membuatkan fitrah insan terkulai mati. Disebabkan teringin memiliki pangkat yang tinggi dan bergaji

selesa, ada pula yang sanggup ‘membodek’ majikan mereka dan ada pula yang menjatuhkan rakan sekerja dengan tuduhan palsu.

Perbuatan terkutuk dan terhina ini bukan sahaja menjadikan diri kita jatuh ke jerat syaitan malah menyusahkan dan membebankan individu lain. Terkadang penindasan majikan terhadap pekerja pula menjadikan pekerja menderita manakala majikan ‘selesa’ dengan tindakannya. Pengerahan tenaga kepada pekerja untuk kenikmatan dan kepentingan majikan semata-mata menggambarkan bahawa buruk dan rakusnya niat Sang Majikan. Biarlah dia dengan olahan budaya dirinya yang memandang segenap dunia, memencilkkan ukhrawi. Namun perlu diingat bahawa balasan ukhrawi terhadap pesalah niat ini akan terlaksana di Hari Penantian nanti biarpun terlepas dari hukuman dunia.

Niat Pengukuh Semangat

Setiap individu telah diajar oleh ibu bapa mereka sedari kecil lagi untuk berimaginasi menjadi seorang yang mulia dan hebat dalam sesuatu kerja. Namun sesudah dewasa dia bersedih hati kerana tidak menjadi seperti yang diimpikan olehnya. Dalam keadaan ini mestilah diingat bahawa, di mana sahaja kita diletakkan, di situlah rezeki kita dan tempat kita berusaha. Oleh itu, jika kerja yang diamanahkan itu tidak bertepatan dengan minat kita, seharusnya kita berazam untuk ikhlas dan jujur dalam melaksanakannya dan yang lebih penting kembalikanlah niat kita semata-mata kerana Allah Yang Esa dan bukanlah semata-mata kerana wang dan pangkat. Firman Allah SWT berkenaan dengan sifat ikhlas serta penyerahan hidup kepada-Nya adalah:

“Sesungguhnya solatku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.”

(Al-An'aam:162)

Apa-apa perkara yang kita lakukan memerlukan niat dan dengan niatlah juga sesuatu kerja itu dapat kita lakukan. Jika sesuatu kerja itu diniatkan kerana Allah SWT, ia dikira sebagai satu ibadah serta akan memandu dan memacu setiap gerak kerja kita dengan lebih cemerlang dan berkualiti. Malah, dengan kualiti yang bagus akan menghasilkan kuantiti yang banyak dengan kesungguhan yang ada. Justeru itu, suburkanlah niat kerana Allah dalam memulakan setiap pekerjaan kita. Jangan dirasakan kerja satu desakan dan keterpaksaan namun niatkanlah untuk ibadah dan keuntungan ukhrawi. Bagi yang melaksanakannya kerana kemewahan sementara, pangkat yang dipandang tinggi serta menindas pekerja beristighfarlah dan mohon keampunan-Nya. Hijrahkanlah niat demi Allah Sang Pemilik Kekal yang sentiasa bersama kita dan ‘kebersamaan-Nya’ sentiasa mengukuh semangat kita.

Wallahu a'lam.

Alonso still weeps
and you'd forgive them."
here.
sea. He knew this was his
was free, and return to
till into the sea. It would
ay, until the end of time.
an Ariel leading King Alonso,
older and more wrinkled than
Behind them wandered dear old
nd owed their lives.

UNIT PENYELIDIKAN SYARIAH

HUKUM PENGENAAN CAJ PENGURUSAN KE ATAS RAKAN KONGSI BAGI KONTRAK MUSYARAKAH

Isu

Isu berkenaan pengenaan caj pengurusan dalam kontrak Musyarakah.

Latar Belakang Isu

Secara umumnya, kontrak Musyarakah merujuk kepada perkongsian dua pihak atau lebih yang sama-sama berkongsi mengeluarkan modal bagi menjalankan aktiviti perniagaan tertentu di mana keuntungan dan kerugian akan dikongsi bersama berdasarkan kepada kadar sumbangan modal masing-masing.

Namun begitu, berlaku sesetengah keadaan apabila salah satu pihak menjalankan aktiviti urus niaga manakala yang lain tidak melakukan apa-apa kerja. Maka dari sini munculnya isu pengenaan caj pengurusan di dalam kontrak Musyarakah yang membolehkan pihak yang aktif menjalankan aktiviti urus niaga mendapat bahagian yang lebih daripada keuntungan yang diperolehi. Justeru, timbul persoalan: Adakah dibolehkan pengenaan caj pengurusan dalam kontrak Musyarakah?

Konsep Syariah Yang Digunakan

Definisi Musyarakah

Menurut bahasa, Musyarakah atau juga dikenali sebagai syarikat bermaksud perkongsian melalui kontrak atau tanpa kontrak. Ia juga turut dikenali sebagai *syirkah*, *syarikah* dan juga *syarkah*.

Manakala, menurut istilah fiyah, syarikat ialah hak dua orang atau lebih terhadap sesuatu tanpa pengagihan yang khusus. Contohnya, dua orang atau lebih berkongsi memiliki sebidang tanah tanpa ditentukan sempadan masing-masing. Pengertian ini dianggap umum merangkumi semua perkongsian melalui kontrak dan tanpa kontrak.

Dalam dunia perniagaan, Musyarakah boleh diertikan sebagai kontrak perkongsian antara dua pihak atau lebih yang sama-sama berkongsi usaha melalui harta (modal pokok) atau keusahawanan atau reputasi (kemasyhuran) dengan sama-sama berkongsi keuntungan dan kerugian antara mereka mengikut apa yang dipersetujui bersama.

Pandangan Para Ulama berhubung konsep Musyarakah

Umumnya, ulama telah membahagikan Musyarakah kepada dua bahagian yang utama, iaitu:

(i) Syarikat Amlak (perkongsian harta)

Ia apabila dua orang atau lebih memiliki sesuatu perkara, perkongsian ini mungkin berlaku secara tidak sengaja iaitu tanpa sebarang tindakan atau kehendak mereka. Contohnya, apabila mereka mewarisi sesuatu secara bersama. Perkongsian ini juga mungkin berlaku secara sukarela iaitu dengan tindakan dan kehendak mereka. Contohnya, mereka berkongsi membeli sesuatu atau mereka menerima sesuatu hadiah secara bersama atau sebagainya.

(ii) Syarikat akad (kontrak)

Bagi Syarikat akad pula, ia lazimnya wujud dalam beberapa bentuk dan ulama telah menyenaraikannya kepada empat jenis iaitu:

- a. Syarikat 'Inan
- b. Syarikat Mufawadhabah
- c. Syarikat Abdan
- d. Syarikat Wujuh

Kajian ini hanya memfokuskan kepada syarikat 'Inan sahaja kerana ia berkaitan dengan tajuk persoalan ini serta antara jenis syarikat dan perkongsian yang diamalkan secara meluas pada hari ini.

Syarikat 'Inan

Ia merujuk kepada perkongsian yang dianggotai oleh dua atau lebih dengan masing-masing menyumbangkan modal dan keuntungan akan dibahagikan sesama mereka. Syarikat jenis ini dibenarkan oleh syarak menurut ijmak ulama.

Syarat-syarat Syarikat 'Inan

Antara syarat-syarat syarikat 'Inan ialah:

- (i) Lafaz kontrak (sighah) iaitu lafaz sorih (jelas) yang dinyatakan oleh setiap rakan kongsi kepada rakan kongsi yang lain.
- (ii) Berkelayakan sebagai wakil. Iaitu setiap rakan kongsi mestilah berakal, baligh dan tidak ditahan daripada menggunakan harta.
- (iii) Modal yang dikongsi mestilah harta yang sama. Apabila harta ini dicampurkan, ia tidak boleh dibezakan antara satu sama lain.
- (iv) Menggabungkan modal syarikat. Sebaik sahaja setiap rakan kongsi bersetuju mewujudkan syarikat, mereka perlu mengemukakan harta masing-masing yang boleh dijadikan modal syarikat.
- (v) Menetapkan keuntungan dan kerugian mengikut nisbah modal. Ini kerana keuntungan adalah hasil pelaburan modal. Begitu juga kerugian kerana ia adalah kerugian daripada modal.

Namun begitu, Jawatankuasa Syariah BMMB telah memutuskan bahawa dalam kontrak Musyarakah, segala perolehan keuntungan dibahagi berdasarkan kepada persetujuan rakan kongsi, manakala kerugian pula adalah berdasarkan kepada kadar sumbangan modal rakan kongsi.

Pandangan Para Ulama Tentang Isu

Menurut majoriti fuqaha, jika ada rakan kongsi yang menjalankan urusan jual-beli, ia dikira sah berdasarkan keizinan yang diberikan oleh semua rakan kongsi. Ketika itu semua rakan kongsi akan memperolehi keuntungan mengikut nisbah modal. Kemudian rakan kongsi yang menjalankan aktiviti urus niaga akan mendapat upah yang sepadan daripada rakan kongsi yang lain.

Walaubagaimanapun, bagi ulama dikalangan mazhab Hanafi dan Hanbali, mereka membenarkan rakan kongsi yang menjalankan aktiviti urus niaga memperolehi keuntungan yang lebih daripada nisbah modal. Hal ini disebabkan kerana kelebihan ini adalah berdasarkan kerja dan kemahirannya. Hal ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang bermaksud:

"Pembahagian keuntungan adalah mengikut syarat yang dibuat oleh kedua pihak. Manakala kerugian adalah mengikut kadar dua harta."

(Dilaporkan oleh Az-Zayla`ie dalam Nasb al-Raayah)

Jawatankuasa Syariah BMMB telah memutuskan bahawa rakan kongsi yang menjalankan aktiviti perniagaan boleh dibayar upah pengurusan sebagai hutang (qardh), dan di akhir tempoh pelaburan itu, dia akan mendapat kembali di atas kapasitinya sebagai pemilik kepada Musyarakah tersebut. Hal ini kerana rakan kongsi tersebut menjalankan aktiviti perniagaan sementara yang lain tidak melakukan apa-apa urusan perniagaan. Oleh itu, dia berhak mendapat caj pengurusan di atas kerja-kerja yang dilakukannya dan selaras dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mengarah seseorang melakukan kerja, maka hendaklah diberitahu upahnya."

(Riwayat Ahmad dan Al-Bayhaqi)

Menurut *Al-Ma'ayir Al-Shari'yyah* yang diterbitkan oleh Pertubuhan Perakaunan dan Perauditian Bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) di Bahrain, dinyatakan seperti berikut:

"Adalah tidak dibenarkan untuk mengkhususkan kadar upah tertentu dalam kontrak Musyarakah bagi rakan kongsi yang terlibat dalam pengurusan kontrak tersebut atau tugas-tugas lain seperti perakaunan. Walau bagaimanapun, adalah dibenarkan untuk menambah peruntukan tertentu daripada hasil keuntungan kepada bahagiannya di dalam kontrak tersebut."

Manakala Dr. Muhammad Zubair Usmani pula berpendapat, *"Adalah tidak dibenarkan untuk menetapkan amaun tertentu bagi salah seorang daripada rakan kongsi atau kadar tertentu keuntungan yang berkait dengan kadar modal yang disumbangkan oleh setiap rakan kongsi. Walau bagaimanapun, bagi upah pengurusan dibenarkan untuk diberikan kepada rakan kongsi yang menguruskan kontrak tersebut dengan syarat perjanjian pembayaran upah tersebut mestilah bersifat bebas dan tidak terikat."*

Bagaimanapun, sebahagian ulama berpandangan mengenai konsep Musyarakah klasik, dimana pihak yang melabur (Syarik) tidak boleh dibayar dan tidak berhak terhadap apa sahaja bayaran termasuklah bayaran pengurusan untuk kerja yang dilakukan bagi musyarakah tersebut, kecuali apa yang akan diperolehi di akhir tempoh pelaburan itu nanti, di dalam bentuk dividen.

Kesimpulan

Ringkasnya, kita dapat simpulkan bahawa, majoriti ulama berpendapat bahawa rakan kongsi yang menjalankan urusan perniagaan dalam kontrak Musyarakah boleh mendapatkan upah yang sepadan dengan tugasannya daripada rakan kongsi yang lain. Namun begitu, tidak salah untuk mengamalkan apa yang dinyatakan oleh ulama mazhab Hanafi dan Hanbali dalam isu pengenaan caj pengurusan ini iaitu membenarkan pengenaan caj pengurusan bagi kontrak Musyarakah kerana ia juga bertepatan dengan arus perdana dunia perniagaan yang semakin berkembang pesat pada hari ini.

Rujukan

1. Al-Qur'an Al-Karim.
2. AAOIFI, Accounting Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions 1432H - 2010
3. Abdul Halim El-Muhammady, Undang-Undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-Produk Perbankan Islam, Selangor: Gemilang Sdn Bhd.
4. Bank Indonesia, Himpunan Fatwa Dewan Syariah Nasional MUI, Dewan Syariah Nasional Majelis Ulama Indonesia.
5. Dr. Muhammad Zubair Usmani, Sharia Advisor Muslim Commercial Bank Ltd., Jamia Darul Uloom Karachi.
6. Encyclopedia of Muamalat, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
7. Keputusan Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa Syariah BMMB kali kelapan 2009, kali kedua 2010, kali ketujuh 2010, kali kelapan 2010 dan kali keempat belas 2010.
8. Muhammad Ahmad Siraj & Ahmad Jabir Badran, Mausu'ah Fatawa al-Muamalat al-Maliyah, al-Kaherah: Dar al-Salam.
9. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bughya, & Ali Syarbaji, Al-Fiqh Al-Manhaji, Terj. Zulkifli Mohammad al-Bakri, Selangor: Dar al-Syakir.
10. Al-Razi, Mukhtar al-Sihah, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi
11. Wahbah Al-Zuhaili, Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh, Damsyik: Dar al-Fikr.

LAMAN TAFAQQUH: **ADAKAH ISTIDRAJ BERLAKU KEPADA KITA?**

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, Kami akan menarik mereka sedikit demi sedikit (ke jurang kebinasaan), menurut cara yang mereka tidak ketahui."

(Surah al-A'raaf: 182)

Istidraj adalah perkara luar biasa yang dikurniakan Allah SWT kepada seseorang tetapi dengan tujuan Allah SWT ingin membinasakannya. Contoh istidraj:

- **Contoh 1:** Al-Quran menceritakan istidraj berlaku kepada harta dan kekayaan yang paling besar adalah berlaku kepada Qarun. Qarun memiliki gedung-gedung menyimpan harta kekayaannya, anak kuncinya saja dipikul oleh 70 orang yang kuat dan gagah. Tetapi akhirnya dia dan hartanya ditelan bumi kerana enggan bayar zakat dan cuba memfitnah Nabi Musa AS.
- **Contoh 2:** Para pemimpin yang berkuasa dan menzalimi rakyat. Tidak mahu menjalankan hukum-hukum Allah SWT dan menghidupkan undang-undang ciptaan manusia, menyekat kebebasan bersuara dan melakukan penipuan, rasuah, merampas hak-hak rakyat.
- **Contoh 3:** Apabila seseorang ahli maksiat, suka minum arak, berzina, menipu, mengambil riba dan meninggalkan solat dan puasa tetapi diberikan oleh Allah SWT kemewahan, kekayaan, perniagaan maju dan tiada kerugian.

GLOSARI SYARIAH

BIL	TERMA	PENGERTIAN
1.	Gharamah	Penalti/ denda
2.	Hibah	Hibah ialah pemberian secara sukarela dari pemberi hibah kepada penerima hibah yang dibuat atas dasar kasih sayang tanpa menerima sebarang bentuk balasan
3.	Ibra'	Rebat/Pengguguran sebahagian atau keseluruhan tuntutan terhadap sesuatu hak atau hutang
4.	Istidraj	Ianya adalah pemberian nikmat Allah kepada manusia yang mana pemberian itu tidak diredhai-Nya
5.	Khulafa' Ar-Rasyidin	Gelaran kepada empat (4) orang sahabat yang memegang jawatan dalam negara Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW iaitu Abu Bakar RA, Umar RA, Uthman RA, dan Ali RA.
6.	Mudharabah	Pemilik harta (rabbul mal) memberi kepada mudharib (pengusaha) suatu harta supaya dia memperniagakannya dan keuntungan dikongsi antara mereka berdua mengikut syarat yang dibuat, manakala kerugian adalah dikenakan kepada pemilik harta sahaja. Pengusaha tidak akan menanggung sebarang kerugian melainkan kerugian tenaga dan masa.
7.	Murabahah	Akad jual beli dengan pendedahan harga kos aset dan margin keuntungan kepada pembeli.
8.	Wadi'ah	Akad simpanan harta yang diamanahkan oleh satu pihak kepada pihak lain untuk dijaga dan dipulangkan apabila diminta



Bank Muamalat Malaysia Berhad
Jabatan Syariah
Menara Bumiputra, Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2698 8787

www.muamalat.com.my